



# #KEJUARGA MALAYSIA



## *Kita Saling Melengkapi*

### Apa itu **Phishing?**

- *Cashing in on love*
- *Kenali panggilan palsu*



### **CCTV** Pandang Isteri

- > Akta Keterangan 1950
- > PDPA 2010
- > Enakmen Tatacara Jenayah Syariah

### Anak-anak **Jalanan Chow Kit**

- Sekolah Bimbingan Jalanan Kasih

### Tidak Pasti! **Jangan Kongsi!**

- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

# Pena Editor

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah segala puji bagi Allah, penerbitan MCPF Gazette edisi 2 Tahun 2022 kali ini bertemakan konsep “**Keluarga Malaysia**” bagi mendukung aspirasi yang dicetuskan oleh YAB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 22 Ogos 2021. Konsep ini selari dengan peranan MCPF yang menekankan aspek keselamatan sebagai salah satu asas utama membina “**Keluarga Malaysia**” yang aman dan stabil dengan kadar jenayah sifar iaitu *from safety to building community* mengetengahkan tentang isu-isu jenayah semasa serta menasihati orang awam bagaimana mereka dapat membantu dari segi pencegahan jenayah daripada berlaku di peringkat komuniti sehinggalah di peringkat negara dan antarabangsa. Penerbitan kali ini mengambil kira ciri-ciri keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran dalam “**Keluarga Malaysia**” dengan menyentuh isu-isu semasa jenayah dan keselamatan sesuai dengan slogan kami “*Your Safety is Our Priority*”. Selamat Membaca!



## Sidang Redaksi

**PENAUNG** | YB Dato’ Seri Hamzah Zainudin

**PENASIHAT** | YBhg. Dato’ Sri Ayub Yaakob

**KETUA SIDANG REDAKSI** | YBrs. Dr. Isdawati Ismail

**KETUA EDITOR** | YBhg. Datin Adib Mulyani Mohd Amin

**PENOLONG EDITOR** | Ir. Dr. Mahdi Ezwan Bin Mohmoud

**AHLI JAWATANKUASA** | En. Norazlan Haji Idris  
En. Bala a/l Karupiah  
Cik Nur Ain Abdul Manaf  
En. Mohd. Sahrul Zainal Abidin

**PENYUNTING LUAR** | Mohd Syafiq Najib  
Adam Othman  
Karl Shafiq

**HUBUNGI KAMI**

**TELEFON:** 60321810055/0555 | **FAKS:** 60321818800

### Terma Penafian

*Although reasonable care has been taken to ensure accuracy and objectivity of the information contained in this publication, neither the publishers, editors and their employees can be held liable for any errors, inaccuracies and/or omissions howsoever caused. We shall not be liable for any actions taken based on the views expressed. Terma Penafian ini terpakai untuk semua kandungan di dalam penerbitan MCPF Gazette.*

**Dicetak oleh:** Morha Marketing

## Isi Kandungan

- » Pena Editor
- » Kata-kata Aluan Naib Pengerusi Kanan MCPF

### Trend dan Hal Ehwal Semasa (Muka Surat 5)

- Jumlah Kerugian Jenayah Scam Meningkat
- *Modus Operandi Scammers*
- *Cyber Security Malaysia*
- Maklumat Penting Aduan Scam

### Sensasi (Muka Surat 8)

- CCTV Pandang Isteri
- Pasang CCTV Pun Kena Saman?
- Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (709)
- CCTV Buktikan Kes-Kes Jenayah Syariah
- Kena Saman Gara-Gara CCTV di Plaza Tol?
- Tidak Pasti Jangan Kongsi
- Berita Palsu COVID-19

### Empati (Muka Surat 11)

- Mangsa Scam dan Kepulihan
- Kongsi Pengalaman Diperdaya Scam Elak Trauma Melampau
- Anak-anak Jalan Chow Kit
- Menyantuni Penghuni Tirai Besi


### Inisiatif Mcpf Dan Kolaborasi (Muka Surat 13)

- Inisiatif MCPF dan Kolaborasi Mei 2022 – Julai 2022

“Marilah kita, dengan fikiran terbuka dan dada yang menerima, mencungkil persamaan dengan tidak lagi menggali perbezaan. Kita perlu bersepakat untuk menyelamatkan Keluarga Kita iaitu

#KELUARGA MALAYSIA”

Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob  
 Perdana Menteri Malaysia  
 22 Ogos 2021



## Salam Sejahtera,

Keluarga Malaysia yang harmoni, sejahtera dan makmur adalah wawasan negara. Penyertaan semua sektor komuniti dalam memupuk budaya positif, saling memahami dan menghormati yang menjurus kepada semangat saling mempercayai, khususnya dalam kemajmukan kepercayaan, bahasa dan budaya adalah penting.

Selaras dengan wawasan dan misi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dalam memupuk kesedaran dan penyertaan aktif masyarakat untuk mencegah jenayah dan gejala sosial, unsur-unsur utama dalam konsep Keluarga Malaysia ini diharap akan mendorong kejayaan setiap program dan inisiatif yang bakal dilaksanakan.

Cabaran dan ancaman PENJENAYAH SIBER khususnya penipuan dalam talian adalah satu fenomena yang menjadi kebimbangan semua di kala ini. Bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), khususnya Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) serta agensi-agens penguatkuasa berkaitan kini berusaha menangani isu ini secara bersepadu.

Apa yang membimbangkan ialah kes-kes jenayah dalam talian ini semakin meningkat dan berleluasa saban tahun. Sehingga Julai 2022 sahaja, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan adalah sebanyak 13,137 kes. Manakala jumlah tangkapan adalah sebanyak 6,947 kes. Jumlah keseluruhan kerugian yang dicatatkan ialah melebihi RM500 juta dan ini adalah sangat membimbangkan.

Antara punca yang menyebabkan mangsa mudah terpedaya ialah kebiasaannya penjenayah ini dapat memberikan maklumat peribadi mangsa dengan tepat. Mangsa juga langsung tidak diberi ruang masa untuk berkomunikasi dengan orang lain. Malahan mangsa diugut akan ditangkap, dituduh, direman, akaun simpanan dibekukan atau diambil tindakan dibawah Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) yang menjadikan mangsa takut sehingga sanggup mengikut arahan penjenayah.

Justeru, MCPF bersama Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) dan agensi-agens penguatkuasa yang lain termasuk rakan-rakan NGO, bergerak aktif ke seluruh negara bagi tujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat akan ancaman jenayah siber yang yang tidak mengenal mangsa. Pelbagai pendekatan digunakan bagi tujuan ini termasuk melantik agen atau duta dikalangan semua sektor komuniti bagi memastikan kempen ini dilakukan secara berterusan dan berkesan.

Salah satu inisiatif MCPF dalam membantu agensi penguatkuasa menangani isu jenayah siber ini adalah dengan menjalankan satu kajian bersama Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dalam mengenalpasti punca utama masyarakat masih terus terjerumus dengan penipuan jenayah siber, selain mengenalpasti keberkesanan kempen anti jenayah siber yang dijalankan oleh pihak JSJK. Diharap hasil daripada kajian ini akan dapat membantu bukan sahaja pihak JSJK malahan agensi-agens penguatkuasa berkaitan yang lain dalam menjalankan kempen anti jenayah siber dengan lebih efektif lagi.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas sokongan pucuk pimpinan utama MCPF khususnya YB Menteri Dalam Negeri selaku Pengerusi MCPF dan Ketua Polis Negara selaku Timbalan Pengerusi, dalam memberi bimbingan serta menentukan hala tuju MCPF. Tidak dilupakan juga kepada barisan EXCO MCPF, kepimpinan di peringkat negeri dan daerah yang turut bergerak secara tersusun, cergas dan berkesan bagi mempromosikan MCPF melalui pelbagai program dan inisiatif.

Semoga segala usaha murni kita semua akan berhasil dan berjaya, demi Keluarga Malaysia.




**Kata-Kata Aluan**  
**Naib Pengerusi Kanan**  
Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

# Jumlah Kerugian Jenayah Scam Meningkat

“M<sup>a</sup>cam mana lah boleh senang-senang je kena tipu”? Sukar untuk dipercayai logik akal apabila kita terbaca atau mendengar berita tentang mangsa-mangsa penipuan scammer. Namun begitu, kita juga berkemungkinan menjadi salah seorang mangsa jika kita tidak menyedari taktik-taktik yang scammer ini gunakan sehingga kita mungkin mudah terpedaya atau panik.

## MODUS OPERANDI Scammers

KERUGIAN JENAYAH SCAM 2019-2021



“Cashing in on Love”  
Pesara kerugian RM400k bercinta dengan lelaki UK.

01

### Scam Macau

- Penyamaran panggilan telefon, laman web atau aplikasi palsu.
- Mangsa diperdaya untuk menyerahkan maklumat peribadi.

02

### Phishing

- Mencuri data peribadi mangsa.
- Menghantar SMS nombor OTP ke telefon bimbit mangsa.

03

### Scam Cinta

- Pasangan hilang tanpa dikesan selepas menerima wang.

06

### Scam Parcel

- Menipu mangsa untuk membayar parcel @barangan yang mereka tidak beli pun melalui taktik Cash on Delivery (COD).

05

### Scam Pelaburan

- Menabur janji manis pelaburan yang tiada risiko langsung dan untung besar.
- Mengambil deposit daripada mangsa.

04

### Scam Pinjaman Peribadi

- Memancing mangsa dengan 0% faedah bagi pinjaman kewangan peribadi dan dijamin 100% kelulusan.
- Meminta bayaran pendahuluan daripada mangsa.

07

### Scam E-Dagang

- Beli lain dapat lain.

08

### Scam Tawaran Kerja

- Pendahuuan wang deposit sebelum ditawarkan bekerja.

09

### Scam Skim Cepat Kaya

- Menjanjikan pelaburan yang kecil dan keuntungan yang tinggi dalam MLM.
- Melarikan diri dengan duit pelaburan MLM mangsa.

Menurut PDRM, dari tahun 2017 hingga tahun 2021, seramai 30,000 individu telah ditahan manakala 25,000 daripada individu tersebut telah pun dituduh di mahkamah. Bagi pemilik akaun keldai yang digunakan oleh sindiket penipuan itu ada yang dibuang daerah di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959.

# Cyber Security Malaysia

Perkembangan teknologi digital yang dinamik telah membawa pelbagai kemudahan malah menjadi sebahagian daripada gaya hidup warga digital. Mereka menggunakan peranti digital seperti telefon pintar untuk mengakses internet, berinteraksi menerusi laman sembang; menggunakan media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, LinkedIn; mendengar muzik; menonton filem dan klip video; permainan dalam talian dan pelbagai lagi.

"Namun, teknologi juga dikatakan sebagai *'double edge-sword'*, di mana ia berupaya membuka peluang kepada penjenayah untuk melakukan pelbagai bentuk serangan siber. Penggunaan teknologi secara negatif, tidak beretika dan tidak bertanggungjawab juga menyebabkan warga digital terdedah kepada pelbagai ancaman yang boleh memudaratkan mereka.

Berdasarkan statistik Pusat Rujukan Insiden Siber - Cyber999 kendalian CyberSecurity Malaysia, sebanyak 10,016 insiden keselamatan siber dilaporkan oleh warga digital Malaysia pada tahun 2021. Statistik tersebut memaparkan lapan kategori insiden antaranya spam, pencerobohan, laporan kerentanan, percubaan pencerobohan, penafian perkhidmatan, kod berbahaya, berkaitan kandungan dan penipuan.

Daripada jumlah tersebut, penipuan atau *fraud* merupakan insiden yang paling tinggi dilaporkan iaitu sebanyak 7,098. Ia adalah satu teknik penipuan menggunakan Internet atau aplikasi yang mempunyai akses Internet bertujuan untuk menipu mangsa atau mengambil kesempatan terhadap mangsa bagi mendapatkan faedah kewangan atau mencapai kepentingan peribadi.

Terdapat pelbagai jenis penipuan antaranya phishing, scam seperti Macau Scam, Parcel Scam, Nigerian Scam, Lottery Scam, Job Scam, Love Scam serta penipuan jualan barangan yang ditawarkan dengan harga murah melalui aplikasi media sosial seperti Facebook, Instagram serta Whatsapp. Kebanyakan insiden penipuan bermotifkan wang ringgit atau sebarang habuan yang boleh menjana keuntungan atau pendapatan kepada penjenayah siber.

Melihat kepada jumlah laporan serta kerugian yang dialami, insiden penipuan agak membimbangkan dan harus dipandang serius untuk ditangani oleh semua pihak. Ini kerana ia berpotensi memberi implikasi terhadap kemajuan ekonomi dan pembangunan negara termasuk kesejahteraan rakyat. Di Malaysia, pelbagai pihak telah memberi penekanan kepada insiden penipuan dengan meningkatkan keupayaan mereka dalam usaha membanteras dan mencegah jenayah siber ini. Namun, apa yang lebih penting ialah peranan warga digital untuk lebih cakna, memberi perhatian dan tidak memandang remeh terhadap ancaman ini.

Faktor utama yang menyebabkan berlakunya insiden penipuan adalah perubahan gaya hidup (*lifestyle*) rakyat Malaysia yang rata-ratanya memiliki peranti digital dan akses Internet. Walaupun senario ini merupakan suatu keadaan yang positif, namun penggunaan teknologi sering disalahgunakan. Selain itu, kewujudan pelbagai platform media sosial turut menarik perhatian penjenayah untuk mengambil kesempatan bagi tujuan kepentingan peribadi mereka.

Justeru, warga digital perlu mengamalkan sikap berhati-hati dengan mengikuti garis panduan amalan terbaik sewaktu melaksanakan apa jua transaksi atau perkhidmatan secara dalam talian. Antara tips yang disarankan adalah:

- 01 Jangan kongsi kata laluan (**password**) - pastikan kata laluan dibina mengikut piawaian kata laluan yang selamat dan tidak mudah dicerobohi.
- 02 Baca dengan teliti setiap terma, syarat serta polisi yang tertera pada laman sesawang apabila membuat pembelian dalam talian.
- 03 Muat turun **pop-up blocker** atau **adware blocker** di pelayar internet anda.
- 04 Semak nombor akaun dan maklumat yang telah diberikan oleh penjual sebelum menekan butang **"confirm"** bersama bank yang terlibat.
- 05 Kaji dan periksa latar belakang syarikat atau penjual melalui internet seperti membaca **"online review"** tentang syarikat atau penjual tersebut.
- 06 Lakukan pembelian daripada penjual atau syarikat yang mempunyai reputasi yang baik. Jika anda ragu-ragu, jangan teruskan pembelian.
- 07 Pembeli harus bijak menilai harga barangan yang dijual. Jika harga didapati tidak masuk akal, berkemungkinan barangan yang dijual adalah palsu atau pun ia adalah merupakan scam.
- 08 Semak akaun bank anda selepas membuat sesuatu transaksi dan buat laporan segera kepada pihak bank jika terdapat transaksi yang mencurigakan.
- 09 Awasi urus niaga anda, semak semula pengesahan pesanan, rekod transaksi kad kredit dan penyata bank anda.

**CyberSecurity**  
MALAYSIA

# Anda Mangsa Scam? Laporkan Segera!



Polis Diraja Malaysia (PDRM)



Bank Negara Malaysia (BNM)



Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)



Bursa Malaysia



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)



Federation of Malaysian Consumers Associations (FOMCA)

## Polis Diraja Malaysia (PDRM)

- Lawati portal Semak Mule untuk semak nombor telefon dan akaun bank terlibat dengan penipuan
- Hubungi WhatsApp CCID Infoline di 013-211 1222
- Hubungi +603 2610 1559 / +603 2610 1599
- Untuk membuat laporan, sila kunjungi balai polis yang terdekat

## Bank Negara Malaysia (BNM)

- Lawati halaman di Amaran Scam untuk maklumat terkini
- Hubungi BNMTELELINK di e-Link
- Hubungi 1-300-88-5465

## Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)

- Lawati SC Investor Alert List untuk senarai laman web, produk pelaburan, syarikat dan individu yang tidak dibenarkan
- E-mel ke aduan@seccom.com.my untuk aduan
- Hubungi +603 6204 8999

## Bursa Malaysia

- Hantar emel ke bursa2u@bursamalaysia.com
- Hubungi +603 2732 0067

## Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

- Lawati portal KPDNHEP e-Aduan
- Emel ke e-aduan@kpdnhep.gov.my
- Hubungi WhatsApp di +6019 279 4317

## Federation of Malaysian Consumers Associations (FOMCA)

- Lawati portal FOMCA e-Aduan
- Hubungi +603 7803 6000 / +603 7805 0009



## “CCTV Pandang Isteri?”



April 2022 - Baru-baru ini tular sebuah video seorang lelaki mengamuk di hadapan rumah pemilik CCTV kerana mengesyaki CCTV jiran ini tertumpu di rumahnya setiap kali isterinya berada di hadapan rumah. Kejadian amuk ini disaksikan oleh jiran tetangga di situ hingga lelaki itu hampir saja bertumbuk dengan jirannya.

Bagaimanapun, ketegangan itu dileraikan oleh jiran-jiran yang membantu mengawal keadaan. Para netizen berasa hairan mengapa lelaki tersebut begitu marah sedangkan tujuan CCTV itu dipasang hanya untuk menjaga keselamatan bersama.

### “Pasang CCTV Pun Kena Saman?”

**Kes : Lew Cher Phow@Lew Cha Paw & Ors v Pua Yong Yong & Anor (2011) MLJU 1195**

Betul ke pasang CCTV yang dihalakan ke rumah orang lain boleh disaman di mahkamah?

Johor Bahru 2011 - Mahkamah memutuskan tindakan seorang jiran yang memasang kamera CCTV yang dihalakan betul-betul ke halaman depan dan belakang rumah orang dianggap sebagai kacau ganggu. Pengawasan melampau CCTV ini dianggap melanggar hak privasi jiran yang terbabit.

Ini kerana jiran yang menjadi mangsa merasakan keluarga mereka seperti diintip sehingga terpaksa bertindak melebarkan zink di sepanjang pagar untuk mengelakkan rumah dan aktiviti dari diawasi secara berterusan melalui CCTV oleh jiran mereka yang tidak bertanggungjawab. Keadaan ini mengakibatkan jiran yang terbabit terpaksa sentiasa menutup pintu dan tingkap, selain tidak dapat hidup, makan, tidur dengan aman. Akibatnya, keluarga jiran ini mengalami tekanan emosi, stress dan komplikasi perubahan.

### Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

“Sebarang rakaman video termasuk daripada kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan awam atau hak persendirian adalah tertakluk di bawah akta perlindungan data peribadi 2010 (Akta 709).”

“Beliau berkata sebarang penyebaran rakaman sedemikian adalah menjadi kesalahan di bawah akta berkenaan apabila pemiliknya berdaftar dengan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP).”

“Penyebaran video daripada rakaman CCTV atau hak persendirian seperti premis hotel juga dikira sebagai kesalahan di bawah akta berkenaan.”

Bekas Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato Eddin Syazlee Shith -2019

**Dipetik dari:** <https://suarasarawak.my/2019/07/rakaman-cctv-tertakluk-di-bawah-akta-perlindungan-data-peribadi/>





# CCTV Buktikan Kes-kes Jenayah Syariah

Dalam Islam, adakah penggunaan CCTV boleh diterima sebagai satu kaedah pembuktian? Penggunaan dokumen digital adalah termasuk sebagai salah satu kategori dokumen di dalam Seksyen 3, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan digunapakai sebagai salah satu kaedah pembuktian termasuk dalam kes-kes jenayah syariah seperti kes zina, qazaf, hudud, qisas dan takzir. Pembuktian melalui dokumen digital di mahkamah syariah ini mampu mensabitkan sama ada seseorang itu bersalah di dalam sesuatu kes atau membebaskan orang yang tidak bersalah.

“Keterangan dokumen seperti yang ditafsirkan di dalam Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997 bermaksud apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, cakera, pita, filem, runut bunyi dan peranti lain yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan. Keterangan dokumen juga membawa maksud bukti yang berasal dari dokumen yang dikeluarkan untuk pemeriksaan mahkamah berhubung permasalahan yang menjadi pertikaian. Keterangan dokumen dalam bentuk digital boleh didefinisikan sebagai apa-apa maklumat atau data yang bernilai di dalam penyiasatan yang disimpan, diterima dan dipindahkan melalui peranti elektronik. Sumber bahan bukti keterangan digital seperti kandungan maklumat di dalam komputer, fail audio, rakaman video dan imej digital. Sebagai contoh, telefon bimbit, kamera digital, komputer, alat cetak, mesin fotostat, pita sokongan, alat pengimbas, rangkaian internet, perisian dan protokol komunikasi.” (Mohd Azhan Yahya, Prof. Madya Dr. Ahmad ‘Azam Mohd Shariff, Mohd Abu Hassan Abdullah).

Pada 12 Julai 2017, satu pindaan telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan terhadap Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Pindaan 2017) yang memperuntukkan Pegawai Penguat Kuasa Agama Islam Negeri Kelantan untuk menggunakan gari terhadap suspek dan membenarkan video digunakan sebagai bahan bukti dalam perbicaraan bagi kes-kes jenayah termasuk zina, qazaf dan seumpamanya.



## Kena Saman Gara-gara CCTV di Plaza Tol?



Anda pasti pernah terbaca di media sosial atau mendapat mesej melalui telefon bimbit berkenaan CCTV di plaza tol. Betul ke CCTV ini untuk merakamkan pelbagai kesalahan pemandu seperti penggunaan telefon bimbit sewaktu memandu atau tidak memakai tali pinggang keledar dan dijadikan bukti untuk pihak berkuasa mengeluarkan saman?


Menurut Kementerian Pengangkutan, “Kamera AES dipasang untuk menangkap pemandu yang memandu melebihi had laju, serta yang melanggar lampu trafik merah sahaja. PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menjelaskan bahawa setiap lorong tol dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) untuk membantu operasi transaksi tol di lorong tol serta memudahkan kakitangan tol memberi bantuan ketika pengguna menghadapi masalah di lorong-lorong tersebut. Menurut PLUS lagi, kamera-kamera CCTV tersebut tidak digunakan untuk mengesan kesalahan trafik.”

## Tidak Pasti! Jangan Kongsi!

Orang ramai sering menerima SMS atau maklumat dalam talian dan tanpa menyemak kesahihan mesej tersebut, dan terus membuat kesimpulan mengenai isu yang disampaikan atau terus memanjangkan mesej tersebut kepada orang lain. Tahukah anda bahawa sesetengah SMS atau maklumat dalam talian itu mempunyai unsur yang tidak baik, kenyataan yang berniat jahat dan palsu?

Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) terdapat peningkatan jumlah kenyataan yang berniat jahat dan palsu sejak kebelakangan ini berdasarkan pemantauan yang dibuat. Aduan orang ramai berkaitan isu ini dirujuk kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Penyebaran maklumat jahat dan palsu ini juga kadangkala ditaja oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

SKMM menggesa orang ramai agar tidak mudah mempercayai apa yang mereka baca dalam talian dan menyemak dahulu kesahihan maklumat tersebut sebelum menyebarkannya melalui SMS atau media sosial, atau berisiko dengan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Jika didapati bersalah, mereka boleh disaman tidak lebih RM50,000 atau dipenjarakan tidak lebih setahun atau kedua-duanya.



### 9 Februari 2022 :

Seorang pemandu e-hailing didenda RM10,000 kerana memuatnaik kandungan palsu di Facebook dan blognya, kononnya YABhg Tun Dr. Mahathir Mohamad mengeluarkan kata-kata kurang sopan terhadap DYAM Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Idris.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 233(1) (A) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 233(3) akta yang sama.

## Anti-vaksin boleh dipenjarakan, denda RM50,000 kerana sebar Berita Palsu




## BERITA PALSU VAKSIN COVID -19

**6 September 2021** - Seorang suri rumah didenda RM12,000 akibat memuatnaik video yang mempunyai berita tidak benar mengenai vaksin melalui hantaran video bertajuk "Siapa Yang dah daftar! Lelaki ini Bongkar Bahayanya Vaksin Covid-19?". Beliau didakwa kerana berniat menimbulkan kebimbangan dalam kalangan orang awam akibat penyebaran berita tidak benar mengenai vaksin Covid-19 sedangkan pada tempoh itu pihak kerajaan sedang bersungguh-sungguh membasmi penularan wabak Covid-19 menerusi program vaksinasi percuma.

Atas kesalahan itu, suri rumah tersebut telah dihukum mengikut **Seksyen 4(1) Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 2021**.

Ia membawa hukuman denda tidak lebih RM100,000 atau penjara selama tempoh tiga tahun atau kedua-duanya dan bagi setiap satu kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak lebih RM1,000 bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Walaupun suri rumah tersebut merayu agar hukumannya dikurangkan, pihak mahkamah mengambil kira hujah pihak pendakwaan yang bertegas agar suri rumah tersebut menerima hukuman tersebut sebagai suatu pengajaran.



# Mangsa dan Scam Kepulihan

Seorang pakar motivasi berpengalaman telah mengesyorkan di laman media sosial beliau agar mangsa scam diberikan terapi kaunseling bagi bantuan sokongan psikologi. Ini memandangkan kebanyakan mangsa sangat terkesan dari segi emosi dan kewangan mereka sehingga menjadi resah gelisah, tidak lalu makan, sugul, menangis bagi tempoh yang lama kerana bimbang tentang masa depan mereka. Mangsa telah kehilangan duit yang telah dikumpul sekian lama sama ada untuk kegunaan akan datang atau persiapan hari tua mereka. Kebanyakan mangsa yang terlibat sememangnya akan membuat laporan polis. Bagaimanapun, proses pemulihan seterusnya memerlukan sokongan psikologi daripada kaunselor terlatih bagi menjaga aspek emosi dan psikologi mangsa.

Bekas pengurus kilang trauma diugut sindiket 'scammer' di Kemboja



Laki Ben Kheng (kanan) menunjukkan skrin mesej diportalnya kepada wakil sebuah parti politik yang menghubungi dan memintanya menarik balik laporan polis yang dibuat berhubung sindiket penipuan kerja di Georgetown dan kemboja sebelum ini.

Empati

## Kongsi Pengalaman Diperdaya Scam Elak **Trauma Melampau**

Pakar-pakar mengesyorkan beberapa cara bagi mengurangkan trauma yang dialami mangsa jenayah scam. Mangsa disarankan untuk:

- 01** Berkongsi pengalaman diperdaya scammer bagi mendapat sokongan emosi daripada keluarga dan rakan terdekat, supaya mangsa mampu membina semula semangat kerohanian untuk mengubah semula pemikiran dan tingkah laku mangsa yang mengalami kebimbangan melampau.
- 02** Mengurangkan pendedahan terhadap media seperti televisyen dan surat khabar sekiranya ia mendatangkan kebimbangan yang ketara.
- 03** Mengamalkan teknik relaksasi (teknik pernafasan, relaksasi otot, meditasi) serta menjalankan ibadah untuk mendapatkan ketenangan jiwa.
- 04** Mendapatkan rawatan pakar kaunseling dan psikoterapi sekiranya trauma semakin membimbangkan.
- 05** Merujuk kepada pakar psikiatri untuk preskripsi ubat-ubatan khas untuk mententeramkan diri dan membantu membentuk pemikiran baharu yang lebih positif.

# Anak-anak Jalanan Chow Kit

anak-anak tanpa dokumen di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih

Empati

Pernahkah anda berjumpa atau mendengar mengenai kanak-kanak jalanan yang tiada dokumen pengenalan diri dan status kewarganegaraan? Kanak-kanak ini biasanya tidak dapat bersekolah kerana kekangan dari segi dokumen tersebut. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) pada tahun 2011 bagi menyantuni anak-anak golongan ini.

**Dasar Pendidikan Wajib dan surat-surat pekeliling mengenai kemasukan murid ke sekolah. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009** telah mengeluarkan arahan bahawa mana-mana kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri namun salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara, boleh didaftarkan di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan setelah mendapat surat pengesahan atau surat perakuan daripada ketua kampung. Melalui dasar ini golongan kanak-kanak yang berkecenderungan boleh mendapat akses pendidikan formal.

Selain daripada pendidikan formal, kanak-kanak di SBJK ini juga diberikan pendidikan asas vokasional seperti masakan, jahitan, seni dan muzik agar mereka mempunyai kemahiran asas untuk mencari rezeki apabila dewasa kelak. Ia juga mampu mencungkil bakat anak-anak golongan ini agar dapat menjalani kehidupan yang lebih positif



**1 April 2022 - Kunjungan Hormat MCPF ke Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK)** bagi menyantuni warga SBJK dan membincangkan peluang penyelidikan tentang anak-anak jalanan tanpa dokumen.



## **13 Julai 2022 - Bantuan Mangsa Kebakaran di Bandar Diraja, Pekan.**

MCPF bersama YM Tengku Dato' Sri Haji Kamal Bahrin Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar telah menyantuni ke rumah mangsa kebakaran bagi menghulurkan sumbangan bagi meringankan beban yang ditanggung akibat kebakaran rumah yang berlaku menjelang Hari Raya Aidiladha. Mangsa, Encik Ramli bersama keluarganya berasa amat terharu dengan kehadiran MCPF dan sumbangan yang diberikan.

**Starvendor Mega Raya Fest 2022 WTC – Kempen Pencegahan Jenayah MCPF Bersama Orang Awam**

Salah satu inisiatif MCPF dalam mendekati diri dengan masyarakat



**14 Jun 2022 – Sesi Libat Urus Bersama Majlis Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (MAPO) Di Kementerian Dalam Negeri (KDN).** Intipati perbincangan ini melibatkan isu-isu terkini pemerdagangan orang dan penyeludupan migran serta usaha-usaha agensi-agensi kerajaan yang terlibat dapat menggembeng tenaga dari segi pencegahan terutamanya dalam meningkatkan kesedaran masyarakat, sesi bersama golongan rentan dan sesi lawatan turun padang. Perbincangan juga menyentuh mengenai kerjasama di peringkat antarabangsa dan kebangsaan bersama dengan pihak-pihak berkepentingan.



**24 Jun 2022 – Kunjungan Hormat dan Mesyuarat MCPF Pulau Pinang Bersama AADK** bagi membincangkan strategi dan peluang kerjasama untuk inisiatif pencegahan dadah. Antara intipati perbincangan ialah Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD), Program Penghijauan Kawasan Berisiko tinggi, (KBT) Penagihan Dadah dan Gerak SKUAD AntiDadah ke arah Pemerkasaan Kesukarelaan Belia. Inisiatif ini amat penting memandangkan terdapat 7 kawasan berisiko tinggi penyalahgunaan dadah di Pulau Pinang daripada 125 jumlah keseluruhan di Malaysia.



**27 Jun 2022 - Program Bicara Keinsafan di Sebalik Tembok Jabatan Penjara Malaysia** yang berlangsung di Dewan Sukan Penghuni, Penjara Seberang Perai, Pulau Pinang ini melibatkan 300 orang penghuni-penghuni penjara berkenaan. Program bersama Jabatan Penjara Malaysia ini bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang jenayah dan pemulihan pesalah serta menitikberatkan inisiatif peluang kedua bagi banduan. Perbincangan juga berkisar tentang peranan syarikat-syarikat swasta dalam membantu menawarkan pekerjaan kepada bekas banduan bagi memastikan kelangsungan hidup seperti insan yang lain selepas mereka menamatkan hukuman penjara.



## Menyantuni Penghuni Tirai Besi

28 Julai 2022 - Program Bimbingan Psiko-Sosial MCPF Kedah telah dijalankan bagi menyantuni warga dan penghuni penjara di Penjara Pokok Sena, Kedah. Pengisian program bertujuan untuk melatih dan menjalankan pelbagai aktiviti secara sukarela dan khidmat masyarakat kepada penghuni penjara selain daripada untuk mendekati diri dengan insan yang kurang bernasib baik dalam kehidupan. Ini dapat menyemai sikap belas ehsan dan sikap ambil peduli dalam kalangan ahli MCPF. Ia juga memberi pendedahan kepada ahli MCPF dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi bersama masyarakat.

**15 Julai 2022 - Perbincangan Strategik Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) MCPF bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS)** antara lain membincangkan mengenai penubuhan KPJ di UMS serta kerjasama dengan Politeknik Kota Kinabalu dan UiTM Sabah berkenaan program-program pencegahan jenayah. Perbincangan lain juga menyentuh tentang pengurusan keselamatan dalam kalangan komuniti serta akses pendidikan dan kesihatan bagi kanak-kanak tanpa dokumen di Sabah.



**Mesyuarat EXCO MCPF Bilangan 2/2020-2022** telah diadakan pada 22 April 2022 di Kementerian Dalam Negeri (KDN). Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YB. Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri Dalam Negeri merangkap Pengerusi MCPF. Turut hadir YDH. IG Tan Sri Acryl Sani bin Haji Abdullah Sani, Ketua Polis Negara merangkap Timbalan Pengerusi MCPF, ahli EXCO serta Ex-Officio MCPF.



**23 - 24 Julai 2022 - Program “ Kita Demi Negara ” Zon Utara**

Program Kita Demi Negara anjuran Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang telah diadakan di Dewan Astaka, Batu Kurau, Perak adalah selaras dengan aspirasi dan konsep Keluarga Malaysia. Menterinya, YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin berkata, kempen bertemakan 'Negara Kita, Keselamatan Tanggungjawab Bersama' itu mengajak rakyat Malaysia bekerjasama dengan pihak kementerian menjaga keamanan negara. Dalam mempromosikan pencegahan jenayah dan menyokong inisiatif program ini, MCPF telah hadir dengan diwakili oleh ahli-ahli Exco MCPF serta dalam masa yang sama membuka gerai pameran bagi berkongsi maklumat dan tip-tip pencegahan jenayah bersama masyarakat setempat.



JASACARE 





MAL05051150TC



**Membantu / Meningkatkan  
Kesihatan Umum  
Improving General Health**



**Membantu Melancarkan  
Peredaran Darah  
Improving Blood Circulation**

[www.jasacare.com](http://www.jasacare.com)

**+6011 - 3642 8056**

KKLIU 0503/2022

Ini adalah Iklan Produk Tradisional  
This is a Traditional Product Advertisement



B-3A-13, Blok B Level 4 Unit 13,  
Megan Avenue II, Jalan Yap Kwan Seng,  
50450 Kuala Lumpur, Malaysia  
Contact: +603-2181 0055 / +603-2181 0555  
Website : <http://www.mcpf.org.my/>

 **Malaysia Crime Prevention Foundation**